

PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN SECARA INTERAKTIF DI TELEVISYEN

TEACHING AND LEARNING PROGRAM OF AL-QUR'AN INTERACTIVELY ON TELEVISION

Nurul Najaa Mohd Najib¹
Afiratul Abidah Md Sani²
Afiqah Najihah Zainudin³
Maisarah Saidin⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM, (najaanajib@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM, (afiratul@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM, (najihah_zdn@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM, (maisarah@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2023
Revised date : 8-8-2023
Accepted date : 25-9-2023
Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Mohd Najib, N. N., Md Sani, A. A., Zainudin, A. N., & Saidin, M. (2023). Program Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Secara Interaktif Di Televisyen. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 183 - 190.

Abstrak: Pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran secara musyafahah dan talaqqi adalah kaedah yang telah dinormalisasi sejak zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Akan tetapi, ekoran daripada penularan wabak Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah merubah gaya hidup dan metode komunikasi manusia termasuklah di negara kita. Faktor kesihatan merupakan antara penyebab utama kesukaran untuk menghadiri kelas secara fizikal selain kewangan, pengangkutan dan masa. Lantaran itu, media massa menjadi salah satu platform yang berkesan untuk mengadakan kelas pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Maka, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kaedah PdP al-Quran pada zaman sahabat dan PdP al-Quran yang berlaku secara interaktif kini melalui televisyen serta kelebihan dan kelemahannya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan kaedah PdP al-Quran semakin berkembang seiring dengan arus pemodenan yang mampan. Kaedah PdP al-Quran masa kini bukan lagi berlaku secara talaqqi dan mushafahah sahaja bahkan juga boleh dilakukan secara interaktif di kaca televisyen.

Kata kunci: Pengajaran, Pembelajaran, al-Quran, Televisyen, Covid-19.

Abstract: Teaching and learning (T&L) al-Quran through musyafahah and talaqqi is a method that has been normalized since the time of Prophet Muhammad SAW. However, as a result of the spread of the Covid-19 epidemic that has hit the whole world, it has changed the lifestyle and communication methods of people, including in our country. Health factors are one of the main causes of difficulty in physically attending classes in addition to finances, transportation and time. Therefore, the mass media has become one of the effective platforms for holding Quranic teaching and learning classes. Therefore, this study was carried out to identify the

method of PdP al-Quran in the days of the Companions and PdP al-Quran that takes place interactively now through television as well as its advantages and disadvantages. This study is a qualitative study that uses a document analysis approach. The results of the study show that the PdP al-Quran method is growing in line with the current of sustainable modernization. The present method of PdP al-Quran no longer takes place only through talaqqi and mushafahah, it can even be done interactively on television.

Keywords: *Teaching, Learning, Al-Quran, Television, Covid-19.*

Pendahuluan

Al-Quran merupakan salah satu mukjizat yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dalam Bahasa Arab dan disampaikan kepada umat Islam untuk sentiasa membacanya. Setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW, perkembangan pengajian al-Quran semakin berkembang luas ke serata dunia melalui metode yang diajar oleh para sahabat. Hasilnya, dunia pendidikan kini boleh diakses melalui pelbagai medium teknologi termasuk pendidikan dalam bidang al-Quran.

Sebelum arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikeluarkan, kebanyakan kelas-kelas pengajian al-Quran diadakan di surau, masjid, kelas, dewan kuliah, rumah dan, sebagainya. Akan tetapi, ekoran daripada penularan wabak Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah mengubah gaya hidup manusia termasuklah di negara kita dan menyebabkan seluruh sekolah, surau, masjid dan institusi pengajian ditutup. Pandemik COVID-19 ini telah meninggalkan kesan terhadap struktur Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) iaitu daripada kaedah PdP secara bersemuka atau secara langsung di institusi dan sekolah, kepada PdP secara atas talian sepenuhnya.

PdP al-Quran pada zaman ini tidak lagi hanya tertumpu pada institusi-institusi pendidikan sahaja akan tetapi terdapat juga pelbagai platform-platform pengajian al-Quran secara digital. Seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat, platform-platform digital seperti televisyen, radio dan media sosial kini dipenuhi dengan program dan kelas-kelas pengajian al-Quran. Kepelbagaian program-program pengajian al-Quran oleh stesen-stesen televisyen swasta dan kerajaan yang semakin bertambah ekoran penularan wabak Covid-19. Oleh itu, kajian ini berfokuskan kepada metode PdP al-Quran pada zaman sahabat, metode PdP al-Quran melalui televisyen serta kebaikan dan kelemahan PdP al-Quran pada zaman sahabat dan kini.

Faktor kesihatan merupakan antara penyebab utama kesukaran untuk menghadiri kelas secara fizikal selain kewangan, pengangkutan dan masa. Lantaran itu, media massa menjadi salah satu platform yang berkesan untuk mengadakan kelas pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Hal ini kerana, bentuk pengajaran dan pembelajaran melalui platform ini lebih cepat dan mudah diakses oleh pelbagai lapisan masyarakat tidak kira seseorang itu berada dimana saja.

Objektif Kajian

- 1) Mengenalpasti metode pengajian al-Quran pada zaman sahabat
- 2) Mengkaji metode pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran melalui televisyen
- 3) 3)Menganalisis kelebihan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada zaman sahabat dan kini.

Persoalan Kajian

- 1) Apakah metode pengajian al-Quran pada zaman sahabat?
- 2) Bagaimanakah metode pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran melalui televisyen?
- 3) Apakah kelebihan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada zaman sahabat dan kini?

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis dokumen. Pada amnya, dokumen analisis ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Bagi kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Kamarul, 2012). Dokumen analisis dalam kajian ini bersumberkan rancangan pengajaran dan pembelajaran al-Quran di televisyen, jurnal dan artikel dari kajian lepas, buku-buku yang berkaitan, surat khabar dan lain-lain.

Metode Pengajian Al-Quran Zaman Sahabat

Selepas wafatnya Rasulullah SAW, usaha-usaha untuk mengembangkan Islam telah disambung oleh sahabat. Sebahagian ulama menafsirkan sahabat sebagai orang Islam yang melihat dan berjumpa dengan Rasulullah. Imam Bukhari pula meriwayatkan dalam sahih beliau bahawa sahabat Rasulullah SAW bermaksud orang yang berjumpa dengan baginda, beriman, serta meninggal dunia dalam keadaan Islam (Abu Bakar, 2021). Pada zaman Rasulullah, antara pusat pengajian al-Quran adalah di rumah Rasulullah SAW, Masjid Nabawi dan rumah Abi Al-Arqam bin Abi Al-Arqam dan sebagainya (Mohd Hasbie, 2018). Pengajian al-Quran di zaman Rasulullah adalah baginda membacakan ayat-ayat al-Quran kepada sahabat, menerangkan maksudnya, dan sahabat-sahabat di arahkan untuk menghafaz ayat-ayat tersebut dan mereka mengajar kepada ahli keluarga mereka masing-masing di rumah (Ahmad Firdaus & Khairunnisa, 2019).

Metod pengajian al-Quran pada zaman sahabat adalah sepertimana yang diajarkan oleh baginda Rasulullah SAW ialah *talaqqi-musyafahah*. Para sahabat melanjutkan kaedah pembelajaran al-Quran tersebut seperti yang telah diwarisi dan diteruskan kepada generasi seterusnya iaitu *tabi'in* sehinggalah kaedah ini diterima sebagai salah satu kaedah pembelajaran al-Quran pada zaman ini (Nor Hafizi et al, 2018). Kaedah pengajian secara *talaqqi-musyafahah* ini merupakan kaedah guru memperdengarkan bacaan al-Quran kepada pelajar, seterusnya pelajar tersebut dengar dan ulang beberapa kali bersama guru sehingga bacaan tersebut meresap ke dalam kepala. Kaedah ini diajarkan kepada Rasulullah oleh malaikat Jibril ketika penurunan wahyu, kemudian kaedah yang sama diajar kepada sahabat dalam PdP al-Quran. Bacaan ayat-ayat suci al-Quran diturunkan kepada baginda melalui kaedah yang sama. Malaikat Jibril AS membacakan ayat-ayat al-Quran dan diperhatikan, didengari dan diikuti oleh baginda (Nor Hafizi et al, 2018).

Kaedah pengajian seterusnya pada zaman sahabat adalah secara hafazan. Teknik hafazan ini juga sudah diajarkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi dan sahabat telah meneruskan kaedah yang sama pada zaman mereka bagi menjamin supaya al-Quran itu berkekalan. Seperti yang diketahui, aktiviti pengumpulan dan pembukuan al-Quran dimulakan pada zaman khalifah Abu Bakar as Siddiq. Bagi menjamin supaya al-Quran itu berkekalan, teknik hafazan amatlah

penting dalam mempelajari al-Quran supaya wahyu itu terjaga oleh para huffaz selain kaedah yang sama juga telah digunapakai supaya ilmu itu berkekalan dan dapat diwarisi oleh generasi selanjutnya. Selain itu, kaedah menghafaz ini juga telah melahirkan kumpulan huffaz al-Quran yang terkenal dalam kalangan sahabat antaranya Abu Bakar, Uthman bin Affan, Ali Ibn Mas'ud, Aisyah dan Hafshah. Menurut kajian juga, teknik hafazan ini bagus untuk kesihatan fizikal dan mental pelajar kerana menghafaz al-Quran dikatakan berpotensi memberi impak positif serta ketenangan kepada para huffaz (Ismarulyusda et al.,2019).

Selain itu, terdapat juga beberapa pusat pendidikan yang mengajarkan pendidikan al-Quran dan ilmu-ilmu Islam pada zaman sahabat seperti *suffah* dan *kuttab*. *Suffah* dan *kuttab* telah wujud sejak zaman Rasulullah lagi dan diteruskan oleh para sahabat terutama dalam kalangan khulafa al-Rasyidin. Pendidikan di *Suffah* difokuskan kepada membaca, menulis, hafazan al-Quran, tajwid, dan ilmu-ilmu Islam yang lain. Khalifah Umar Al Khattab sangat menjaga, memerhatikan serta meneruskan pendidikan di *Shuffah* sebagaimana pada zaman Nabi SAW lagi seperti tenaga pengajar di dalamnya dalam kalangan sahabat yang memiliki pengetahuan agama yang luas seperti Abu Hurairah, Abdullah dan sebagainya supaya pendidikan di *Suffah* lebih terpelihara (Nurul Fajriah,2019). Tambahan pula, Saidina Umar Al Khattab adalah seorang khalifah yang sangat menggalakkan penyebaran ilmu al-Quran dalam kalangan umat Islam dan setiap apa yang dituturkan oleh beliau akan berlandaskan al-Quran dan sunnah (Nurul Fajriah,2019). Pendidikan di *kuttab*(maktab) juga bertumpu kepada menghafaz al-Quran kepada kanak-kanak lelaki seawal usia 4 tahun. Kaedah menghafaz al-Quran di *kuttab* adalah secara *imla'* dan *tasmi'* dihadapan guru mereka. Guru memperdengarkan bacaan ayat al-Quran kepada pelajar lalu mereka mencatat di atas lembaran. Seterusnya, guru akan mengalunkan bacaan al-Quran sekali lagi dan diikuti oleh pelajar sehingga hafazan mereka lancar. Kemudian, mereka akan kembali ke guru mereka untuk *tasmi'* hafazan dan akan disemak kesalahan bacaan mereka serta dibetulkan sehingga lancar (Firdaus & Khairunnisa, 2019).

Hasilnya, metode pengajian al-Quran pada zaman sahabat adalah secara hafazan, talaqqi-musyafahah dan juga *imla'* (penulisan). Tiga kaedah ini merupakan metode utama pengajian al-Quran pada zaman sahabat. Tambahan pula, kaedah hafalan ini juga turut digunakan dalam bidang-bidang ilmu yang lain supaya ilmu tersebut lebih terjaga dan terpelihara. Selain itu juga, pembukuan ilmu dan juga al-Quran pada zaman itu masih baru dan juga sedikit. Natijahnya, kaedah hafalan, tulis, dan menyemak bacaan bersama guru merupakan kaedah yang paling terbaik pada era tersebut. Kaedah hafalan juga merupakan terknik pembelajaran yang sudah diasuh kepada sahabat sejak zaman Rasulullah SAW lagi.

Metode Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Melalui Televisyen

Pengajaran dan pembelajaran al-Quran boleh didapati dalam banyak kaedah dan pertumbuhannya amat pesat seiring perkembangan. Ini merupakan satu gambaran bahawa masyarakat kita mementingkan dan menitikberatkan pembelajaran al-Quran (Sharifah & Shafiee, 2018). Kaedah-kaedah tertentu yang bersifat ringkas dan mudah malah berbentuk hiburan bagi menarik minat masyarakat mempelajari al-Quran. Kelas-kelas pengajian al-Quran pada hari ini tidak sekadar berpusat pada institusi-institusi tertentu, malah terdapat individu-individu masyarakat yang mengajar dari rumah ke rumah. Selain itu juga, perkembangan teknologi hari ini turut memudahkan masyarakat mempelajari al-Quran. Kecanggihan media elektronik menerusi media tradisional dan media baru yang ada dimanfaatkan bagi tujuan memudahkan masyarakat mempelajari al-Quran. Sebagai contoh, terdapat pembelajaran al-Quran yang dilaksanakan menerusi talian, pelajar atau pengguna hanya perlukan akses internet sahaja untuk mengikuti dan mempelajarinya. Selain itu terdapat juga pembelajaran al-Quran

menerusi media penyiaran seperti di radio dan juga televisyen yang memperlihatkan kaedah yang efektif serta memudahkan masyarakat untuk mempelajari al-Quran.

Hasilnya, pada hari ini kita dapat lihat hampir kesemua stesen televisyen berusaha mempelbagaikan program pembelajaran al-Quran yang bersesuaian dengan setiap lapisan masyarakat. Hasil daripada pemerhatian yang dilakukan, terdapat beberapa program pembelajaran al-Quran yang telah disiarkan oleh TV Al-Hijrah. Sebagai contoh program pembelajaran al-Quran yang disiarkan melalui TV Al-Hijrah seperti #MyQurantime yang merupakan program tadabbur al-Quran sebanyak 114 surah bermula dari surah al-Fatihah, al-Baqarah dari juzuk 1 hingga 30 iaitu sebanyak 604 muka surat (Sinar Harian, 2020). Bukan itu sahaja terdapat juga 'Mai Ngaji' yang memaparkan pembelajaran ilmu tajwid dan makna ayat al-Quran menerusi kaedah talaqi secara beramai-ramai. 'Gemahafiah' juga merupakan salah satu program televisyen yang membariskan Qari dan Qariah Johan Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa yang akan mengalunkan pelbagai variasi taranum yang bermaksud membaca al-Quran secara berlagu dengan baik dan sesuai (Norhisham et al., 2019) seperti *Bayaati*, *Nahwan* dan lain-lain. Menariknya program ini menggunakan konsep pembelajaran di mana penonton boleh bersama-sama dengan selebriti jemputan untuk mempelajari teknik taranum yang dibimbing oleh para qari dan qariah (Alhijrah Media Corporation, 2020).

Seterusnya Astro Oasis juga menjadi siaran yang menjalankan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran melalui program Geng Ngaji. Program ini yang memaparkan pembelajaran ilmu tajwid dengan pembacaan ayat-ayat Al-Quran dan dibetulkan oleh qari dan qariah yang berilmu dan berpengalaman (MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd. 2022). Bukan itu sahaja terdapat juga program Tilawah Interaktif yang bersiaran di TV1. Program ini merupakan salah satu rancangan kesukaan masyarakat. Hal ini kerana program ini merupakan program yang menyambungkan antara pengajar dan pembelajar. Melalui siaran ini masyarakat awam boleh untuk memperdengarkan bacaan kepada qari dan qariah yang telah ditugaskan pada hari berkenaan dan akan dibetulkan selepas selesai membuat bacaan. Program ini telah mendapat banyak sambutan yang telah menyebabkan talian sesak dan hanya orang yang terpilih sahaja yang akan memperdengarkan bacaannya.

Program-program yang dinyatakan tersebut dapat memberikan impak yang positif kepada masyarakat awam. Hal ini kerana masyarakat kini lebih terjerumus untuk menonton atau mempelajari perkara yang berada di kaca televisyen berbanding perkara yang perlu dicari dan dihadapi bagi mempelajari ilmu agama. Masyarakat juga tidak perlu bersusah payah untuk mencari qari dan qariah bagi memperbetulkan bacaan al-Quran, cukup hanya menyertai program secara interaktif dan dapat mempertingkatkan keupayaan bacaan dengan baik dan mudah.

Kelebihan Dan Kelemahan Pembelajaran Pada Zaman Sahabat Dan Kini

Pelbagai bentuk kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran boleh dipraktikkan oleh seseorang individu agar dapat membaca dan mempelajari al-Quran dengan tepat. Akan tetapi kaedah-kaedah PDP ini mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri. Sebagai contoh, kelebihan pada zaman sahabat ialah ramai di kalangan mereka yang bertalaqqi secara langsung dengan Rasulullah SAW. Ini membezakan kita yang berada di zaman yang jauh dari Rasulullah dan bertapa beruntungnya mereka dapat berguru bersama Nabi. Mereka juga mempelajari al-Quran secara hafazan daripada Rasulullah SAW hingga lahirnya kumpulan huffaz yang terkenal, iaitu Abu Bakar, Uthman, Ali Ibn Mas'ud, 'Aishah dan Hafsah. Pada peringkat ini

para sahabat masih meneruskan kaedah yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dengan Jibril dalam pengajaran al-Quran. Kaedah hafazan ini telah berjaya melahirkan ramai sahabat yang mampu membaca dan mengahafaz al-Quran. Rasulullah SAW, para sahabat, dan tabi' mengajar dan mengaplikasikan teknik *talaqqi* dan *mushafahah* secara menyeluruh termasuklah dalam pembacaan, penulisan, hafalan, pemahaman, dan pengamalan.

Seterusnya, kelemahan yang terdapat pada zaman sahabat ialah penyebaran pengajian al-Quran yang sedikit lambat ke seluruh dunia kerana teknologi pada zaman tersebut terhad. Oleh kerana kaedah tersebut memberi penekanan kepada konsep *talaqqi* dan *musyafahah*, kekurangan guru dalam kalangan sahabat juga menjadi faktor keterlambatan penyebaran al-Quran. Selain itu, pada zaman tersebut sangat bergantung kepada guru yang mempunyai serta menepati syarat seperti alumni Lembaga Pendidikan pertama di bawah kepimpinan Rasulullah dan memiliki pemahaman agama yang tinggi. Ini kerana ketika itu, ramai dalam kalangan sahabat baru memasuki islam dan peranan guru mengajar muridnya dengan baik dan aktif dalam pelajaran (Nurul Fajriah, 2019).

Sebaliknya pada masa kini, pengguna disajikan dengan pelbagai program secara interaktif di televisyen seperti #MyQURANTIME, Mai Ngaji, Gemahafalah, Tilawah Interaktif dan Geng Ngaji yang ditayangkan di Astro Awani, tv al-Hijrah dan Tv1. Ini adalah usaha pihak media televisyen di Malaysia dalam menyediakan rancangan yang dapat membantu penonton supaya mereka tidak terlepas daripada mempelajari al-Quran ketika PKP. Selain itu, program #MyQURANTIME adalah rancangan terbitan TV al-Hijrah dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan Warisan Ummah Ikhlas. #MyQURANTIME telah menggunakan slogan “MengQurankan Bangsa, Mengikhhlaskan Ummah” dan menarik perhatian penonton seisi keluarga berpeluang untuk bertadarus bersama-sama tetamu jemputan pelbagai latarbelakang seperti para ilmuwan agama, ahli akademik, huffaz dan ramai lagi (Nurul Khadijah, 2021).

Setiap kelebihan memiliki kelemahannya dan perlu diambil berat oleh setiap individu. Oleh itu, PDP zaman kini juga memiliki kelemahan walaupun memiliki pelbagai teknologi yang moden antaranya timbul permasalahan di sini di mana waktu yang diperuntukkan bagi setiap program agak terhad menyebabkan komunikasi berjalan secara terhad. Penonton juga tidak dapat bertanya dengan lebih lanjut sekiranya wujud kekeliruan terhadap jawapan yang diberikan (Munirah Abd Razzak, 2014). Di samping itu, program-program pembelajaran al-Quran disiarkan pada waktu yang kurang bersesuaian dengan penonton. Ini kerana bagi golongan yang bekerja ia menjadi satu kekangan bagi mereka untuk mengikuti pembelajaran al-Quran kerana program-program tersebut selalunya disiarkan di awal pagi dan itu berada di dalam waktu bekerja. Dengan itu, ia akan menyebabkan tidak semua penonton dapat menonton program tersebut dan perlu menacari alternatif lain seperti menonton semula program itu di internet.

Hasil kajian yang didapati daripada dua zaman ialah proses PDP al-quran memerlukan konsentrasi dan tumpuan yang tinggi untuk mendapatkan ilmu berkaitan dengannya kerana jika salah mendapat maklumat ianya akan mempengaruhi pembacaan al-quran dan menjadi satu kesalahan padanya. Perkara ini amatlah membimbangkan guru-guru dan ibu bapa pelajar dan perlu kepada penyelesaian yang segera daripada kedua-dua belah pihak dan mengenal pasti penyelesaian kepada kekurangan yang dihadapi oleh mereka yang terlibat dalam proses pembelajaran dan pengajaran *hifz* al-Quran pada zaman ini. Teknologi yang terdapat pada zaman ini memberi impak positif kepada pelajar akan tetapi *talaqqi* dan *musyafahah* itu lebih baik kerana dapat mendapat ilmu secara bersemuka bersama guru.

Kesimpulan

Mutakhir ini, bertumbuhan pesat program pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran secara interaktif di kaca televisyen bagi tumbuhan selepas hujan. Tambahan pula, pandemik covid-19 yang berlaku pada tahun 2020 telah menyebabkan kekangan untuk menghadiri kelas al-Quran secara fizikal merupakan antara faktor utama stesen penyiaran televisyen swasta dan kerajaan berlumba-lumba untuk menyajikan rancang televisyen PdP al-Quran kepada masyarakat umum. Hal ini merupakan satu peluang keemasan bagi masyarakat untuk mengisi masa lapang mereka di rumah untuk mempelajari al-Quran lebih-lebih lagi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan ketika wabak tersebut melanda. Rancangan-rancangan televisyen PdP al-Quran tersebut juga sesuai untuk dipelajari oleh seisi keluarga kerana variasi rancangan yang sesuai untuk pelbagai lapisan umur.

Rancangan PdP al-Quran di televisyen juga tidak terhad kepada bacaan dan tajwid semata-mata, akan tetapi terdapat juga rancangan televisyen yang mengajar tarannum dan tadabbur al-Quran secara interaktif bersama penonton. Kepelbagaian program PdP al-Quran yang disajikan di kaca televisyen tersebut adalah bagi menarik minat sasaran penonton mereka terhadap al-Quran perlu disambut baik. Tambahan pula, teknik pembelajaran pada masa kini secara interaktif hanya melalui skrin kaca televisyen tanpa perlu bersusah payah untuk menghadiri secara fizikal. Pada era sahabat, mereka perlulah belajar secara *talaqqi* dan *musyafahah* bersama-sama guru mereka secara fizikal bagi mempelajari al-Quran. Ketiadaan teknologi untuk dipelajari al-Quran secara jarak jauh dapat dilihat bahawa usaha para sahabat untuk menuntut ilmu itu amatlah tinggi. Kesimpulannya, PdP al-Quran pada masa kini amatlah mudah diperoleh walaupun secara jarak jauh. Oleh itu, platform-platform media massa yang menyajikan PdP al-Quran ini perlulah dipelbagaikan lagi agar dapat menarik pelbagai lapisan umur untuk lebih mengenali dan mempelajari al-Quran.

Rujukan

- Alhijrah Media Corporation. (2020). *JADUAL RANCANGAN – TV Alhijrah*. JADUAL RANCANGAN – TV Alhijrah.
- AMIR, F. (2020, June 1). *My #QuranTime di TV Alhijrah*. Sinar Harian.
- Firdaus, Ahmad & Shukor, Khairunnisa. (2020). Kurikulum Pendidikan Islam Para Sahabat: Satu Sorotan. *Al-Munzir*. Vol 12. No. 2. H 209-224.
- Hamisu, A. M. (2022). An Analysis of the Trends and Methodologies of Sahabah in Qur'anic Exegesis (Tafseer).
- Hasbie. (2018). *Penjagaan Al-Quran: Kajian Perbandingan Literatur*. *Penjagaan Al-Quran: Kajian Perbandingan Literatur*.
- Ismarulyusda, Santibuana, Nor Malia, Farah Wahida, Normah, Dzalani, Ahmad Rohi, Sabri Mohamed, Faisal Ariffin, & Nor Azila. (2019). *Impak Hafazan Al-Quran Terhadap Kesejahteraan Fizikal dan Mental*. *Impak Hafazan Al-Quran Terhadap Kesejahteraan Fizikal Dan Mental*.
- Kamarul Azmi Jasmi K. A. (n.d). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad, N. K., Mohamad, M. R., Mohamad, M. S., & Sulaiman, S. (2020). *Kaedah Pengajian Al-Quran Secara Maya Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19*. *E-Proceeding, Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS)*, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Munirah Abd Razak, Liyana Md Saril, Nor Hizwani Ahmad Thohir, & et al. (2014). *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Melalui Program Televisyen: Kajian di TV Al-Hijrah*.

- Nor Hafizi, Mohd A'tarahim, Najmiah Omar, Mohamed Fathy & Mohd Shafiee. (2018). *Concept and Execution of Talaqqi and Musyafahah Method in Learning Al-Quran*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 8(11), 559–565.
- Norhisham Muhamad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat, Muhamad Akramin, & Fatin Ardani. (2019). Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran Al Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini Sabk di Perak. *Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran Al Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini Sabk di Perak*.
- Nurul Fajriah Nirwani Jumala. (2019). Gambaran Sistem Pendidikan Islam Pada Masa Sahabat. *Jurnal Serambi Ilmu*. Vol. 20.
- Razali, M. R. B. M., Ruzlan, M. F. R. B., & Sulaiman, M. N. B (2022). Cabaran Pelaksanaan Pengajian Hifz Al-Quran Secara Atas Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7*.
- Sharifah S. B. et al. (2018). Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran: Kajian Di Masjid Unisza. *Jurnal Hadhari*.10 (1). Penerbit UKM Press.
- Zainora Daud, Abdul Muhaimin Ahmad, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim. (2022). Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Gamifikasi Tahfiz Global dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Muraja'ah al-Quran. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 6(2), 62- 78